

Keluarga rumah pengampunan,

BANGKOK: “Semuanya bermula dalam keluarga. Jadikan keluarga kita tempat lahirnya pengampunan. Dengan berjalan bersama, biarlah keluarga kita menjadi tempat yang dipenuhi kasih dan kerendahan hati,” kata Uskup Agung Anthony Veeradet Chaiseri kepada ribuan keluarga Katolik dari seluruh dunia yang berhimpun sempena Persidangan Keluarga Antarabangsa *Couples for Christ* (CFC) dan *Kids for Christ* (IFamCon) 2026, yang berlangsung di Pusat Konvensyen Taman Sains Thailand, Pathum Thani, utara Bangkok, dari Julai 17 hingga 19 lalu.

Uskup Agung Anthony, yang juga Naib Presiden Persidangan Uskup-Uskup Katolik Thailand serta penyelia pelayanan keluarga Gereja di negara itu, menggesa setiap keluarga agar membawa pulang rahmat, pengalaman dan pengajaran yang diperoleh sepanjang persidangan untuk dihayati dalam keluarga, paroki dan komuniti masing-masing.

Beliau turut mengingatkan para ibu bapa dan anak-anak agar benih-benih rohani yang disemai sepanjang persidangan itu terus bertumbuh dan menghasilkan buah yang berkekalan, supaya setiap keluarga menjadi saksi iman Kristus di tengah-tengah masyarakat.

Persidangan yang diadakan setiap tiga tahun itu mengangkat tema “*Full Build*”, berasaskan 1 Yohanes 1:3-4, khususnya ungkapan “supaya sukacita kita menjadi sempurna”.

Tema itu menjadi asas kepada keseluruhan program dan pembentukan peserta. Menurut penganjur, persidangan tersebut bertujuan memperkukuh ikatan kekeluargaan, memperdalam kehidupan iman serta membimbing kanak-kanak agar menjadi pewarta Injil yang aktif sejak usia muda.

Kids for Christ (IFamCon) ialah salah satu pelayanan di bawah gerakan *Couples for Christ*, yang ditubuhkan di Manila pada tahun 1993



bagi membantu keluargaewartakan Injil kepada kanak-kanak dan membentuk mereka sebagai murid Kristus.

“Ini bukan sekadar slogan, tetapi penghayatan iman yang nyata apabila anak-anak bertumbuh dalam kasih kepada Tuhan, saling mengambil berat antara satu sama lain serta membawa sukacita Kristus kepada dunia setiap hari,” kata penganjur.

Sebelum persidangan utama bermula, peserta mengikuti program *Families on Mission* yang berlangsung dari Julai 14 hingga 16.

Program selama tiga hari itu merangkumi doa, persekutuan serta pendedahan kepada budaya dan kehidupan masyarakat Thailand sebagai sebahagian daripada pengalaman misi.

Persidangan dibuka secara rasmi pada Julai 17 dengan sesi *Opening Kids Praise* yang dipimpin oleh Keith Ramirez, seorang pemimpin awam Katolik dalam pelayanan CFC.

Dalam perkongsiannya, beliau menggalakan setiap keluarga agar sentiasa bersandar kepada Tuhan ketika berhadapan dengan cabaran hidup.

“Apabila kita berdepan kesukaran, kita tidak bersendirian kerana kebaikan Tuhan sentiasa menolong kita mengatasinya,” katanya.

Beliau turut mengingatkan bahawa salib merupakan lambang kasih Tuhan yang meluk setiap keluarga.

“Marilah kita sentiasa meletakkan Tuhan sebagai pusat kehidupan keluarga dan membiarkan kasih serta belas kasihan-Nya memenuhi rumah kita,” katanya.

Dalam satu sesi lain, keluarga Ecleo berkongsi bahawa sukacita yang dianugerahkan Tuhan tidak seharusnya terhenti dalam lingkungan keluarga sendiri, tetapi perlu dikongsi dengan orang lain.

“Sukacita yang kita terima daripada Tuhan menjangkau setiap keluarga, komuniti dan kepada setiap insan yang diutus Tuhan kepada kita. Sukacita ini tidak bergantung pada harta benda atau kejayaan duniawi, tetapi pada keyakinan bahawa Tuhan mengasihi keluarga kita,” kata mereka.

Sepanjang persidangan, para peserta turut mengikuti pelbagai bengkel untuk kanak-kanak, sesi ROCK (*Reach Out for Christ's*

Kingdom), latihan pembentukan fasilitator belia serta *Couples Coordinators and Parents Summit*.

Dalam sesi *Parents Summit*, paderi dan penceramah Katolik dari Australia, Fr Rob Galea, mengingatkan bahawa ibu bapa Kristian memikul tanggungjawab besar dalam membentuk kehidupan rohani anak-anak.

“Tuhan memberikan kita tanggungjawab yang paling mulia, bukan sekadar membesarkan anak-anak, tetapi membimbing mereka menjadi orang kudus,” tegas beliau.

Beliau menambah bahawa ibu bapa tidak melaksanakan panggilan itu bersendirian kerana Tuhan sendiri mengurniakan rahmat dan kekuatan yang diperlukan untuk memimpin anak-anak menurut kehendak-Nya.

Selain sesi pembentukan iman, persidangan itu turut dimeriahkan dengan festival keluarga, persembahan bakat secara terbuka (*open mic*), gerai makanan mengikut wilayah, pelbagai aktiviti rekreasi, adorasi Ekaristi serta ibadat penutup yang menghimpunkan seluruh peserta dalam semangat syukur dan persaudaraan. **LiCAS News**

Doa untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026 (MPC2026)

Tuhan,
Engkau memanggil kami
untuk berjalan bersama sebagai umat-Mu,
ditarik ke dalam kehidupan persekutuan
Bapa, Putera, dan Roh Kudus.

Bimbinglah kami semasa kami bersiap
untuk Konvensyen Pastoral Malaysia 2026.
Ajarlah kami untuk mendengar dengan
mendalam, untuk menilai dengan setia,
dan untuk mempercayai ke mana
Engkau memimpin kami.

Kami menyerahkan di hadapan-Mu
empat aspek yang sedang kami

pertimbangkan bersama.

Berkatilah keluarga kami,
agar mereka menjadi tempat cinta,
iman, pengampunan, dan harapan.

Perbaharuilah Gereja kami,
agar kami dapat berkembang dalam
persekutuan, penyertaan, dan saksi yang
penuh kegembiraan kepada Injil.

Bukalah hati kami kepada jeritan ciptaan,
agar kami dapat menjaga bumi
dengan rasa hormat, tanggungjawab,
dan kesyukuran.

Bimbinglah kehidupan kami dalam
komuniti, agar kami dapat mencari
keadilan, mempromosikan keamanan,
dan berdiri dalam solidariti dengan yang
miskin dan yang terpinggir.

Ketika arah tuju pastoral lahir
daripada pertimbangan kami, semoga ia
memperkaya dan menguatkan komuniti
iman tempatan kami.

Dengan Maria, Bonda Gereja,
yang merenungkan Firman-Mu dan
berjalan dalam iman, ajarilah kami untuk
berjalan bersama dalam harapan.

Kekalkan kami agar terus berakar
dalam Kristus, penuh perhatian
terhadap satu sama lain,
dan terbuka kepada
karya Roh Kudus-Mu.

Semoga Konvensyen ini
membantu kami hidup dengan lebih setia
sebagai satu Gereja Katolik Malaysia,
melayani di tanah yang kami cintai ini.

Melalui Kristus Tuhan kita.
Amin

(terjemahan-HERALD)

Harapan di sebalik perpisahan

Ketika masih kecil, saya membayangkan kematian yang bahagia sebagai saat seseorang mengakhiri hidup dalam rahmat Tuhan, dikelilingi oleh keluarga dan Gereja yang mengasihinya, setelah berdamai dengan Tuhan serta sesama, dan sempat mengucapkan kata-kata terakhir yang penuh kasih, syukur dan harapan.

Namun, hakikatnya tidak semua orang mengalami kematian seperti itu.

Kemalangan, penyakit yang datang tanpa diduga dan kerumitan hubungan sesama manusia sering menyebabkan seseorang meninggal dunia dalam keadaan masih dibelenggu kemarahan, kekecewaan, kepahitan atau luka batin.

Ada yang belum sempat memohon maaf, mengampuni atau berdamai dengan orang lain.

Ada juga yang meninggal dunia akibat penyalahgunaan alkohol atau dadah, kemurungan, tindakan terburu-buru atau bunuh diri.

Kematian sering datang tanpa memberi peluang untuk memperbaiki hubungan, memohon maaf atau mengucapkan selamat tinggal. Hampir selalu ada urusan hati yang tertinggal dan belum diselesaikan.

Kita semua pernah mendengar kisah seperti ini: seorang bapa yang maut dalam kemalangan sejurus selepas bertengkar dengan keluarganya; seorang wanita yang meninggal dunia akibat ketagihan dadah setelah bertahun-tahun terputus hubungan dengan keluarganya; seorang sahabat yang mengakhiri hidupnya sendiri; seseorang yang meninggal dunia dalam kepahitan kerana gagal memaafkan; atau insan tersayang yang pergi secara mengejut akibat serangan jantung sebelum sempat mengucapkan selamat tinggal.

Jarang sekali seseorang meninggalkan



dunia ini tanpa ada urusan hati yang belum selesai.

Luka akibat perkara yang tidak sempat diselesaikan itu kadangkala kekal bertahun-tahun.

Saya pernah mendampingi seorang lelaki berusia dalam lingkungan lima puluhan yang masih dihantui rasa bersalah atas kematian ibunya lebih empat puluh tahun.

Ketika melawat ibunya di hospital, dia masih terlalu kecil untuk memahami bahawa ibunya sedang nazak.

Apabila ibunya meminta dipeluk, dia yang ketakutan hanya mengundurkan diri. Keesokan harinya, ibunya meninggal dunia. Kenangan terakhir yang terpahat dalam ingatannya ialah saat dia enggan memeluk ibunya.

Empat puluh tahun kemudian, luka itu masih belum benar-benar sembuh.

Ramai antara kita pernah kehilangan insan yang dikasihi ketika masih ada kata-kata yang belum diucapkan, luka yang belum dipulihkan, kesilapan yang belum diperbetulkan atau pengampunan yang belum diberikan.

Kematian seolah-olah menutup segala peluang, lalu yang tinggal hanyalah penyesalan: "Kalaulah masih ada satu lagi

kesempatan."

Namun sebagai orang Kristian, kita percaya bahawa kesempatan itu sebenarnya masih ada.

Salah satu ajaran Gereja yang paling menghiburkan, walaupun kurang diberi perhatian, ialah Persekutuan para Kudus (*Communion of Saints*).

Ajaran yang kita akui dalam Syahadat para Rasul ini mengingatkan bahawa hubungan dengan mereka yang telah meninggal dunia tidak terputus. Dalam Kristus, kita tetap bersatu dengan mereka dalam persekutuan rohani.

Malah, hubungan itu tidak lagi dibatasi oleh banyak ketegangan yang pernah mewarnai kehidupan di dunia.

Oleh sebab itu, perkara yang tidak sempat diselesaikan masih boleh kita serahkan kepada Tuhan.

Dalam doa, kita masih boleh mengungkapkan kasih, memohon maaf, memberi pengampunan, mengucapkan terima kasih atau meluahkan penyesalan yang tidak sempat dinyatakan semasa mereka masih hidup.

Dalam Persekutuan para Kudus, perdamaian yang dahulu kelihatan mustahil menjadi mungkin melalui rahmat Tuhan.

Dalam terang keabadian, banyak

perkara yang dahulu memisahkan kita kehilangan ertinya, manakala belas kasihan Tuhan membuka jalan kepada pengampunan dan penyembuhan.

Kita sering melihat hal ini berlaku dalam kehidupan. Dalam sesebuah keluarga atau komuniti, hubungan yang retak kadangkala kelihatan mustahil dipulihkan.

Namun apabila salah seorang meninggal dunia, hati yang keras mula melunak. Orang mula melihat segala-galanya dari sudut yang berbeza. Apa yang dahulu sukar diterima akhirnya dapat dimaafkan.

Hal ini bukan semata-mata kerana kematian mengubah keadaan, tetapi kerana rahmat Tuhan terus berkarya.

Seperti yang ditunjukkan dalam kisah Sengsara Tuhan menurut Injil Lukas, saat-saat terakhir kehidupan juga boleh menjadi saat rahmat, apabila hati manusia terbuka kepada belas kasihan.

Di atas salib, Yesus sendiri mengampuni penyamun yang baik dan menjanjikan kepadanya syurga.

Inilah penghiburan besar dalam iman Kristian. Apa yang tidak sempat kita selesaikan atau damaikan semasa hidup masih boleh kita serahkan kepada Tuhan melalui doa.

Persekutuan para Kudus mengingatkan kita bahawa kasih tidak berakhir dengan kematian.

Keindahan iman Kristian terletak pada keyakinan bahawa Tuhan sentiasa mampu menyembuhkan hubungan yang retak.

Walaupun orang yang kita kasihi telah pergi, kita masih boleh berbicara kepada mereka dalam doa, menyerahkan segala yang belum selesai kepada belas kasihan Tuhan, dan akhirnya memperoleh damai yang selama ini kita rindukan. **Hak cipta terpelihara 1999-2026 @ Fr Ron Rolheiser**

Berkat daripada yang sedikit

Setiap hari kita bertemu dengan orang yang sedang "lapar". Bukan sekadar lapar kerana kekurangan makanan, tetapi juga lapar akan kasih sayang, perhatian, harapan dan ketenangan.

Seorang ibu mungkin menyembunyikan air mata kerana memikirkan perbelanjaan keluarga. Seorang bapa pula tersenyum di hadapan anak-anak, sedangkan hatinya dibelenggu kebimbangan tentang pekerjaan.

Ada remaja yang kelihatan ceria di media sosial, namun jiwanya sunyi dan masih mencari makna hidup. Ada juga warga emas yang memiliki segala keperluan hidup, tetapi merindui kunjungan dan perhatian daripada anak-anak.

Di tengah-tengah dunia yang dipenuhi pelbagai bentuk "kelaparan" ini, Sabda Tuhan hari ini membawa khabar yang menghiburkan: Tuhan melihat setiap keperluan manusia, dan Dia tidak pernah membiarkan mereka yang datang kepada-Nya pulang dengan tangan kosong.

Dalam bacaan pertama daripada Kitab Yesaya, Tuhan berseru, "Hai semua orang yang dahaga, marilah ke air!" (Yes 55:1).

Jemputan ini bukan sahaja ditujukan kepada mereka yang miskin secara material, tetapi kepada setiap insan yang dahaga akan kasih, pengampunan, damai dan harapan. Tuhan menawarkan sesuatu yang tidak dapat dibeli dengan wang, iaitu kehidupan yang sejati.

Dunia sering mengajar bahawa kebahagiaan diperoleh melalui harta, kejayaan atau kuasa. Namun Tuhan mengingatkan bahawa hati manusia hanya akan benar-benar dipuaskan apabila kembali kepada-Nya.

Dalam surat kepada umat di Roma pula,

Santo Paulus memberikan jaminan yang amat menguatkan. Beliau bertanya, "Siapa kah yang dapat memisahkan kita daripada kasih Kristus?" Jawapannya jelas: tiada siapa dan tiada apa pun. Penderitaan, kesusahan, penyakit, kemiskinan, bahkan maut sekalipun tidak mampu memisahkan kita daripada kasih Tuhan. Inilah asas harapan orang Kristian. Kasih Tuhan tidak bergantung pada keadaan hidup kita. Ketika hidup berjalan lancar, Dia tetap mengasihi kita. Ketika kita jatuh, gagal atau kehilangan segala-galanya, kasih-Nya tetap tidak berubah.

Injil hari ini pula memperlihatkan bagaimana kasih itu diterjemahkan dalam tindakan. Yesus berhadapan dengan ribuan orang yang mengikuti-Nya ke tempat sunyi. Para murid hanya melihat masalah. Mereka cuma mempunyai lima ketul roti dan dua ekor ikan. Pada pandangan manusia, bekalan itu terlalu sedikit untuk memberi makan kepada begitu ramai orang.

Namun Yesus melihat keadaan itu dengan mata iman. Dia tidak bertanya tentang apa yang tidak dimiliki, sebaliknya menggunakan apa yang ada. Lima ketul roti dan dua ekor ikan yang sederhana itu diserahkan kepada-Nya. Yesus mengambilnya, mengucap syukur, memberkati, lalu membahagi-bahagikan kepada orang ramai. Akhirnya, lebih daripada lima ribu orang makan sehingga kenyang, malah masih berbaki dua belas bakul.

Mukjizat ini mengajar kita bahawa Tuhan tidak menuntut kita memiliki segala-galanya sebelum dapat melayani-Nya. Sebaliknya, Dia hanya meminta kita menyerahkan apa yang kita miliki. Mungkin kita merasakan iman kita kecil, masa kita terhad, kemampuan

kita biasa-biasa sahaja, atau harta kita tidak seberapa. Namun di tangan Tuhan, perkara yang kecil mampu menjadi berkat yang besar kepada ramai orang.

Sering kali kita berkata, "Saya tidak mampu membantu." Hakikatnya, Tuhan tidak meminta kita menyelesaikan semua masalah dunia. Dia hanya meminta kita berkongsi apa yang ada.

Sepatah kata yang menguatkan, sedikit masa untuk mendengar, sekeping roti untuk yang lapar, kunjungan kepada orang sakit, atau doa yang tulus — semuanya boleh menjadi mukjizat kecil apabila dilakukan dengan kasih.

Mukjizat penggandaan roti juga mengarahkan pandangan kita kepada Ekaristi. Dalam setiap Misa Kudus, Yesus terus mengambil roti, mengucap syukur, memecah-mecahkannya dan memberikannya kepada umat-Nya.

Dia bukan sahaja memberikan makanan bagi tubuh, tetapi juga Tubuh-Nya sendiri sebagai santapan yang menguatkan jiwa. Dari meja Ekaristi, kita diutus untuk menjadi "roti yang dipecah-pecahkan" bagi dunia, membawa harapan kepada mereka yang putus asa, penghiburan kepada yang berduka, dan kasih kepada mereka yang kesunyian.

Hari ini, Yesus masih mengulangi sabda-Nya kepada para murid, "Kamu sendiri harus memberi mereka makan."

Seruan ini bukan hanya berkaitan makanan jasmani, tetapi juga tanggungjawab kita untuk memenuhi kelaparan rohani manusia. Dunia hari ini tidak kekurangan teknologi atau kekayaan, tetapi masih sangat memerlukan belas kasihan, keprihatinan dan kasih yang tulus.

HARI MINGGU BIASA KE-18 TAHUN A

YESAYA 55: 1-3;

ROMA 8: 35, 37-39;

INJIL MATIUS 14: 13-21.

Marilah kita datang kepada Tuhan dengan "lima roti dan dua ikan" yang kita miliki. Mungkin pada pandangan kita, semuanya kecil dan tidak bermakna. Namun apabila diserahkan kepada Kristus dengan penuh iman, Dia mampu menggandakan usaha-usaha kecil itu menjadi berkat yang melimpah kepada ramai orang.

Sesungguhnya, Tuhan tidak pernah membiarkan sesiapa yang datang kepada-Nya pulang dengan tangan kosong.

Mereka yang datang dengan kelaparan akan dikenyangkan, mereka yang datang dalam keletihan akan disegarkan, dan mereka yang datang dengan hati yang terluka akan dipulihkan oleh kasih-Nya yang tidak pernah berkesudahan. **Sr Mary Grace Edin, RGS**



Fr David Garaman, Vikar Jeneral baharu Keuskupan Sandakan



SANDAKAN: Uskup Sandakan, Julius Dusin Gitom, telah melantik Fr David Aloysius Garaman sebagai Vikar Jeneral Keuskupan Katolik Sandakan pada Julai 15, 2026.

Pelantikan ini mengisi jawatan yang telah kosong selama kira-kira dua tahun selepas Fr Nicholas Ong melepaskan pelayanan itu atas faktor kesihatan.

Sebagai Vikar Jeneral, Fr David akan menjadi pembantu utama Uskup dalam pentadbiran dan kepimpinan pastoral Keuskupan Sandakan.

Beliau kini merupakan Paderi Paroki Katedral St Mary, Sandakan dan berasal dari Kampung Tempenau, Lahad Datu.

Ditahbiskan sebagai paderi pada Disember 21, 2010, beliau merupakan paderi pertama yang ditahbiskan selepas penubuhan Keuskupan Sandakan pada tahun 2007.

Dari tahun 2014 hingga 2017, beliau melanjutkan pengajian dalam bidang Liturgi Suci di Institut Liturgi Suci Kepausan di Roma.

Mengulas pelantikan tersebut, Fr David mengakui beliau terkejut apabila menerima amanah berkenaan. Namun, beliau menerimanya dengan rendah hati sebagai panggilan untuk melayani Gereja dengan lebih mendalam.

Menurut beliau, pengalaman sepanjang 16 tahun sebagai paderi telah membentuk kesabaran, kebijaksanaan dalam membuat pertimbangan serta kepercayaan yang lebih mendalam terhadap penyelenggaraan Tuhan.

Fr David berkata keutamaan beliau ialah bekerjasama rapat dengan Uskup Julius dalam memperkukuh kehidupan pastoral dan pentadbiran keuskupan.

Beliau turut menegaskan bahawa setiap bentuk pelayanan dalam Gereja merupakan panggilan untuk taat kepada kehendak Tuhan, tanpa mengira jawatan yang diamanahkan.

Fr David berharap pelantikan itu tidak dilihat sebagai satu pengiktirafan peribadi, sebaliknya sebagai panggilan Tuhan untuk melayani Gereja.

Beliau juga memohon doa, sokongan dan kerjasama seluruh umat agar beliau dapat melaksanakan tanggungjawab baharunya dengan penuh hikmah, kerendahan hati dan keberanian demi memperkukuh misi pewartaan, persekutuan dan pelayanan di Keuskupan Sandakan.

RANAU: "Iman bukan sekadar diwartakan, tetapi perlu diwariskan kepada generasi akan datang." Demikian penegasan Uskup Agung John Wong Soo Kau ketika mengajak setiap anggota Caritas menghayati semangat misionari dalam kehidupan seharian semasa Misa Kudus pembukaan Perhimpunan Kedua Caritas Sabah di Pusat Retret Bundu Tuhan, Ranau.

Pertemuan yang menghimpunkan lebih daripada 90 delegasi Caritas daripada Keuskupan Agung Kota Kinabalu, Keuskupan Keningau dan Keuskupan Sandakan berlangsung pada Julai 10 hingga 12 lalu.

Program dimulakan dengan sesi suai kenal, diikuti sesi renungan peribadi yang dipimpin oleh Puan Patricia Bai, Pengarah Caritas Keuskupan Keningau merangkap Koordinator Pertemuan Caritas Sabah Kedua.

Pada sebelah petang, Misa Kudus pembukaan dipimpin oleh Uskup Agung John Wong Soo Kau bersama para konselebran: Fr Fabian Dicom, Fr Wilfred James dan Fr Ricki Boy Hasim.

Selepas Misa, sesi pembentukan bertajuk "Pembangunan Insan Bersepadu dalam Kebenaran dan Kasih" disampaikan oleh Fr Wilfred James, Penasihat Rohani Caritas Keuskupan Keningau. Beliau turut menegaskan bahawa pembangunan insan perlu merangkumi aspek rohani, moral, sosial dan kemajuan teknologi, dengan kasih serta kebenaran Kristus sebagai asas pelayanan Caritas. Hari pertama diakhiri dengan sesi



Caritas Sabah perkukuh pelayanan berasaskan KASIH

Perbualan dalam Roh.

Pada hari kedua, program diteruskan dengan perkongsian mengenai Ajaran Sosial Gereja oleh Sr Anita James FSIC, Pengarah Caritas Keuskupan Agung Kota Kinabalu.

Sr Anita menegaskan bahawa pelayanan Caritas merupakan panggilan Gereja yang dihayati melalui pewartaan Sabda Tuhan, liturgi dan pelayanan kasih.

Seterusnya, Anna Teresa Peter Amandus, Pengarah Caritas Keuskupan Sandakan, menghuraikan konsep Pembangunan Insan Bersepadu berasaskan ensiklik *Populorum Progressio*, dengan menekankan bahawa pembangunan sejati memartabatkan manusia dan bukan sekadar mencapai kemajuan ekonomi.

Pada sebelah petang, Fr Fabian Dicom, Pengarah Caritas Malaysia,

berkongsi pengalaman pelayanan Caritas serta mengingatkan bahawa Gereja dipanggil hadir bersama golongan miskin kerana melalui mereka, Gereja turut diperkaya dan menerima pewartaan Injil.

Pada sebelah malam, para peserta bersama umat paroki Bundu Tuhan mengadakan malam persaudaraan yang mengeratkan lagi semangat kebersamaan dalam pelayanan.

Hari ketiga memberikan peluang kepada setiap delegasi untuk membuat refleksi terhadap semua sesi pembentukan serta menilai situasi semasa pelayanan Caritas di keuskupan masing-masing.

Hasil perbincangan tersebut membawa kepada pengenalpastian tiga tindakan konkrit yang akan dilaksanakan oleh setiap keuskupan dalam tempoh tiga tahun akan data-

ng sebagai komitmen bersama demi memperkukuh pelayanan Caritas.

Fr Ricki Boy, dalam rumusan program berharap agar segala ilmu, inspirasi dan pengalaman yang diperoleh sepanjang perhimpunan itu dapat diterjemahkan kepada tindakan nyata melalui pelayanan Caritas di setiap paroki dan keuskupan.

Pertemuan Kedua Caritas Sabah diakhiri dengan Misa Kudus penutup yang dipimpin oleh Fr Wilfred James. Dalam homilinya, beliau mengingatkan bahawa pertemuan itu menandakan permulaan komitmen baharu untuk memperkukuh pelayanan Caritas berasaskan kasih, kebenaran dan misi Gereja.

Pada akhir perhimpunan, Keuskupan Sandakan diumumkan sebagai tuan rumah Perhimpunan Caritas Sabah kali ketiga.



Keuskupan Agung KK umum barisan kepimpinan 2026–2029

KOTA KINABALU: Mesyuarat Suku Tahunan Keuskupan Agung Kota Kinabalu pada Julai 15, 2026 di Katedral Hati Kudus mengumumkan pelantikan barisan kepimpinan klerus dan pembimbing rohani komisi pastoral bagi penggal 2026–2029.

Pengumuman rasmi dikeluarkan oleh Pejabat Canselor Keuskupan Agung Kota Kinabalu pada Julai 17, 2026 dan ditandatangani oleh Canselor, Fr Wilfred Atin.

Barisan Kepimpinan Klerus (2026–2029)

- Pengerusi Klerus: Fr Jeffri Gumu
- Timbalan Pengerusi: Fr Eric Jerome
- Setiausaha: Fr Sylvester Wong
- Penolong Setiausaha: Fr Rhobby Mojolou

Barisan Penyelaras Komisi Pastoral

- Liturgi: Fr Wilson Francis dan Fr Lasius Gantis
- Keprihatinan Sosial: Fr Maxmilliano

Benhor Hontor dan Fr Postinus Kurup

Barisan Pembimbing Rohani Komisi Pastoral:

- Komisi Belia Keuskupan Agung: Fr Bradley Belly Stephen
- Caritas: Fr Isidore Gilbert
- *Couples for Christ*: Fr Postinus Kurup

Semua pelantikan berkuat kuasa serta-merta bagi tempoh 2026–2029. Uskup Agung Kota Kinabalu, Yang Mulia Datuk John

Wong Soo Kau, menyeru seluruh klerus dan umat beriman agar memberikan sokongan, kerjasama dan doa kepada para paderi yang menerima amanah baharu.

Pelantikan ini mencerminkan komitmen Keuskupan Agung Kota Kinabalu untuk memperkukuh kepimpinan pastoral, memperkasakan pelbagai bidang kerasulan serta menghayati semangat sinodal dalamewartakan Injil, membina persekutuan dan melayani umat Tuhan.



Retret "hamba Tuhan" perkukuh semangat pelayan komuni

MELAKA: Seramai 51 Pelayan Komuni Bukan Lazim (*Extraordinary Ministers of Holy Communion*) daripada tiga paroki, iaitu Gereja Our Lady of Guadalupe, Krubong; Gereja St Mary, Ayer Salak; dan Gereja St Andrew, Muar, berhimpun di Seminari Good Shepherd bagi menyertai retret tiga hari bertemakan "Hamba Tuhan" dari Julai 5 hingga 7.

Retret yang dianjurkan atas inisiatif Fr Joseph Heng itu bertujuan memperdalam kehidupan rohani serta memperbaharui semangat

pelayanan para peserta.

Bro Collin Wee, seorang Brother De La Salle dari Singapura, mengendalikan retret itu dalam Bahasa Inggeris dan Bahasa Malaysia manakala Fr Joseph Heng serta Sr Mary Heng FdCC pula mengendalikan sesi dalam bahasa Mandarin.

Berpanduan Kitab Suci dan spiritualiti Katolik, Bro Collin menghuraikan misteri Ekaristi melalui tiga tema utama: Misteri yang Dirayakan, Misteri yang Diterima dan Misteri yang Dihidupi.

Beliau menegaskan bahawa

Ekaristi ialah pusat kehidupan Gereja dan pelayanan para pelayan komuni tidak terhad kepada tugas di altar sahaja sebaliknya ia harus diteruskan dalam kehidupan seharian. "Setiap kali anda memberikan Komuni Kudus, anda juga dipanggil menjadi tanda nyata kehadiran Kristus," katanya.

Para peserta kembali ke paroki masing-masing dengan semangat baharu untuk melayani Kristus melalui pelayanan di altar serta dalam kehidupan seharian.


Sahabat kecil Yesus

JOM BACA MESEJ TERSEMBUNYI!

Setiap simbol mewakili satu perkataan. Gunakan petunjuk di bawah untuk menulis perkataan yang betul. Apakah mesej yang disampaikan oleh Yesus?

✚ = mengambil ☺ = kepada ✱ = Yesus ✕ = itu ✿ = syukur

✌ = membahagikannya ✚ = roti & = mengucap ✎ = lalu 📖 = mereka



Baca Yohanes 6:11, kemudian semak jawapan anda!

Hello anak-anak,

Dalam bacaan Injil hari ini, para murid melihat begitu ramai orang yang lapar datang untuk mendengarkan ajaran Yesus dan disembuhkan oleh-Nya.

Mereka tahu bahawa mereka tidak mempunyai makanan yang mencukupi, lalu meminta Yesus menyuruh orang ramai pergi ke kampung-kampung berdekatan untuk membeli makanan.

Namun, bagi Yesus, tiada yang mustahil kerana Dia ialah Putera Tuhan.

Yesus memberkati lima ketul roti dan dua ekor ikan, lalu makanan yang sedikit itu menjadi cukup untuk memberi makan kepada lebih daripada lima ribu orang!

Yesus menunjukkan kepada kita bahawa Dia sentiasa menjaga keperluan kita apabila kita percaya kepada-Nya.

Seperti yang dinyatakan dalam Kitab Nabi Yesaya, Tuhan sentiasa menyediakan segala yang kita perlukan.


Dalam mukjizat ini, Yesus memenuhi keperluan jasmani orang ramai dengan memberi mereka makanan. Namun begitu, Dia juga memenuhi keperluan rohani kita.

Dalam Komuni Kudus, Yesus memberikan diri-Nya sendiri sebagai santapan rohani. Yesus pernah melakukan mukjizat dengan memberi makan kepada lima ribu orang.

Dalam setiap Misa Kudus pula, Dia mengubah roti dan wain menjadi Tubuh dan Darah-Nya.

Kini, berjuta-juta umat di seluruh dunia menerima Yesus sebagai santapan rohani dalam Ekaristi.

Salam Sayang
Aunty Melly



Jom
Mewarna



Dalam Injil hari ini, Yesus mengubah lima buku roti dan dua ekor ikan menjadi makanan yang mencukupi untuk lebih daripada 5,000 orang.

Malah, selepas semua orang kenyang, masih terdapat beberapa bakul sisa makanan yang dikumpulkan.

Warnakan hanya roti dan ikan yang mempunyai tanda silang (+).

Kemudian kira jumlahnya untuk mengetahui berapa bakul sisa makanan yang berjaya dikumpulkan!

"Mereka semua makan sehingga kenyang. Kemudian mereka mengumpulkan sisa-sisa roti yang tinggal, sebanyak dua belas bakul penuh."

(Matius 14: 20)

BELIA

Perjalanan Salib

jangkau umat di pedalaman

KENINGAU: Tiada jalan yang terlalu jauh, tiada kampung yang terlalu terpencil untuk dijangkau oleh kasih Kristus. Berlandaskan semangat itu, Perjalanan Salib meneruskan ziarahnya ke tiga komuniti pedalaman di paroki Katedral St Francis Xavier (KSFX) pada 13 hingga 15 Julai lalu.

Rombongan pembawa Perjalanan Salib ini diketuai oleh Fr Brywinedren Godon. Turut sama dalam rombongan itu ialah Seminarian Marculus, para belia, katekis dan bebe-rapa umat dari paroki KSFX serta KOMSOS.

Pengembaraan ini bertujuan memberi peluang kepada umat di kawasan pedalaman untuk menyambut, melihat dan berdoa di hadapan Salib MPC sebagai lambang kesatuan Gereja di seluruh Malaysia menjelang Konvensyen Pastoral Malaysia yang akan berlangsung di Sibu, Sarawak,

pada September nanti.

Konvensyen ini akan menghimpunkan para uskup, paderi, religius dan umat awam dari seluruh negara ini untuk memperbaharui komitmen Gereja terhadap misi evangelisasi serta menghayati semangat sinodaliti melalui persekutuan, penyertaan dan perutusan.

Di destinasi pertama iaitu Gereja St Isidorus, selepas kira-kira lapan jam perjalanan, Perjalanan Salib disambut meriah oleh umat setempat yang mengenakan pakaian tradisional.

Perjalanan Salib diarak masuk ke Gereja sebelum sesi katekesis mengenai makna dan tujuan pengembaraan salib disampaikan.

Ini diikuti dengan Sakramen Pengakuan dan Misa Kudus yang dipimpin oleh Fr Brywinedren.

Dalam homilinya, beliau mengajak umat menghayati Perjalanan Salib sebagai lambang kesatuan dan perjalanan iman Gereja di Malaysia.

Menurut Fr Brywinedren, salib tersebut telah mengembara ke pelbagai tempat dan umat dari pelbagai latar belakang berdoa di hadapannya, sekali gus menjadi tanda bahawa seluruh Gereja berjalan bersama dalam Kristus.

Keesokan harinya, rombongan meneruskan perjalanan ke Gereja St Paulus, Pohon Batu. Perjalanan Salib diarak merentasi jambatan gantung sebelum disambut dengan paluan gong dan tarian tradisional. Program diisi dengan katekesis, Sakramen Pengakuan dan Misa Kudus.

Pada sebelah petang, rombongan bergerak ke destinasi terakhir di Kampung Lumiri.

Perjalanan Salib ditempatkan sementara di dewan kampung sebelum umat berkumpul pada lewat petang.

Kehadiran mereka bersama pelbagai juadah mencerminkan semangat kekeluargaan dan keramahan komuniti setempat.

Pada sebelah malam, Fr Brywinedren mendengarkan Sakramen Pengakuan dan memimpin Misa Kudus. Rombongan kembali ke KSFX pada Julai 15.

Ekspedisi ini bukan sekadar satu perjalanan fizikal merentasi kawasan pedalaman, tetapi juga suatu ziarah iman yang memperlihatkan komitmen Gereja untuk hadir bersama umat di mana sahaja mereka berada sekali gus memperkukuh semangat persekutuan, penyertaan dan perutusan dalam kehidupan Gereja. **Juanis Markus**

Belia Katolik dipanggil jadi murid misionari digital

CHIANG MAI: Gerakan Pelajar Katolik Antarabangsa, *Pax Romana-International Movement of Catholic Students* (IMCS), telah menerima pakai Deklarasi Chiang Mai 2026 yang menggariskan komitmen baharu untuk memperkasakan golongan muda dalam menghadapi cabaran kemiskinan, migrasi, konflik, kemerosotan alam sekitar serta transformasi digital yang semakin mempengaruhi kehidupan mereka.

Deklarasi bertemakan "Berjalan Bersama dalam Harapan" itu dimuktamadkan pada penghujung program *Global Chaplains, Animators Formation and Exchange (Global CAFE)* yang berlangsung di Chiang Mai, Thailand, pada Julai 12 hingga 20 yang lalu.

Dokumen tersebut meletakkan pen-

dampingan golongan muda sebagai teras misi gerakan itu.

Para kapelan, animator awam dan pemimpin pelajar diseru memperkukuh pembentukan kepimpinan, menghayati Ajaran Sosial Gereja Katolik serta mempererat kerjasama dalam kalangan gerakan pelajar Katolik di seluruh dunia.

Seramai 44 peserta yang terdiri daripada kapelan, animator, pemimpin pelajar dan rakan kerjasama dari Asia, Afrika, Eropah dan Amerika Utara menghadiri program itu, manakala peserta lain turut mengikuti sesi secara dalam talian.

Selain menyediakan pelan tindakan mengikut rantau masing-masing, mereka turut menyumbang kepada penyediaan buku panduan pastoral IMCS bagi menyokong pelayanan kampus di pelbagai negara. **LiCAS News**



Sakramen Krisma permulaan perutusan sebagai murid Kristus

LAPOK: Suasana penuh syukur dan sukacita menyelubungi paroki Gereja Keluarga Kudus, Lapok, apabila 143 calon penguatan menerima Sakramen Krisma. Melalui sakramen Krisma, mereka diperkukuhkan oleh karunia Roh Kudus untuk menjadi saksi Kristus dalam keluarga, Gereja dan masyarakat.

Ritus penerimaan Sakramen Krisma ini dipimpin oleh Uskup Richard Ng, Uskup Miri.

Dalam homilinya, Uskup Richard mengingatkan para calon bahawa Sakramen Penguatan merupakan pencurahan Roh Kudus yang mengukuhkan mereka untuk hidup sebagai murid dan saksi Kristus di tengah dunia.

Prelatus itu mengingatkan bahawa penerimaan Sakramen Penguatan bukanlah penamat perjalanan iman, sebaliknya permulaan kepada satu perutusan untuk hidup sebagai murid dan saksi Kristus di tengah dunia.

Justeru, mereka digalakkan agar terus memupuk kehidupan doa, mengambil bahagian secara aktif dalam kehidupan Gereja, serta berani mempertahankan nilai-nilai Kristiani di tengah-tengah pelbagai cabaran zaman.

Uskup Richard berharap para penerima Sakramen Penguatan akan terus bertumbuh dalam iman, semakin akrab dengan Kristus, serta menjadi pembawa damai, kasih dan harapan dalam keluarga, Gereja dan masyarakat.

Sakramen Penguatan merupakan salah satu daripada tiga Sakramen Inisiasi Kristian yang melengkapkan rahmat Pembaptisan melalui pencurahan Roh Kudus. Melalui sakramen ini, umat beriman dipersatukan dengan lebih erat kepada Kristus dan Gereja, diperkaya dengan anugerah Roh Kudus, serta diutus untuk mengambil bahagian dalam perutusan Kristus dengan menjadi saksi Injil melalui perkataan dan teladan hidup.



Berita singkat antarabangsa

Hidup berkomuniti perlihatkan kehadiran Kristus

VATIKAN: “Anda telah membantu memperkukuh kesaksian awam para religius yang membaktikan hidup mereka demi pelayanan Injil,” kata Sri Paus Leo XIV dalam sepucuk surat yang dibacakan oleh Nunsius Apostolik di Amerika Syarikat, Uskup Agung Gabriele Caccia, sempena Persidangan Konferensi para *Major Superiors of Men* (CMSM) di Amerika Syarikat.

Para peserta berhimpun bagi merayakan ulang tahun ke-70 CMSM semasa Perhimpunan Kebangsaan 2026 yang berlangsung di Phoenix, Arizona, pada Julai 20 hingga 23, dengan tema “Satu dalam Kristus: Kehidupan Berkomuniti Masa Kini.”

CMSM ialah organisasi kebangsaan yang menghimpunkan para pemimpin institut religius lelaki Katolik, biara dan persatuan kehidupan kerasulan di Amerika Syarikat.

Dalam surat bertarikh Julai 16 yang ditujukan kepada Pengarah Eksekutif CMSM, Fr Frank Donio, S.A.C., Sri Paus berkata bahawa ulang tahun ke-70 itu merupakan masa yang sesuai untuk bersyukur

kepada Tuhan atas segala rahmat yang telah diterima sepanjang tujuh dekad memupuk kerjasama dalam kalangan religius lelaki di Amerika Syarikat.

Sri Paus merakamkan penghargaan atas usaha CMSM menyediakan ruang dialog serta menyokong kepimpinan komuniti-komuniti anggotanya.

Menurut Bapa Suci, usaha itu telah membantu memperkukuh kesaksian awam para religius yang mengabdikan hidup mereka kepada Kristus dan berusaha meneladani-Nya.

Mengulas tema perhimpunan itu, Sri Paus menggesa para peserta agar melihat kehidupan berkomuniti sebagai tempat penyucian diri serta sumber kekuatan dalam pelayanan.

Menurut beliau, perkongsian hidup, pengalaman rohani dan pelayanan kasih menjadikan kehadiran Kristus yang bangkit semakin nyata.

Mengakhiri suratnya, Sri Paus Leo XIV memberi jaminan akan kedekatan rohaninya dengan para peserta serta memberkati semua peserta konferensi. **Ucanews**

Gereja perlu berdiri bersama mereka yang ditindas

TOKYO: Seorang kardinal dari Jepun menggesa Gereja Katolik agar tidak berdiam diri ketika keganasan semakin berleluasa, mengancam nyawa manusia dan mencabuli martabat insan.

“Kita tidak boleh sekadar menjadi pemerhati yang tidak berdaya di tengah-tengah gelombang keganasan. Sebaliknya, kita dipanggil untuk terus menaburkan benih-benih kebaikan dengan lebih meluas,” kata Kardinal Isao Kikuchi.

Menggunakan perumpamaan gandum dan lalang, Kardinal Kikuchi berkata kebaikan tetap bertumbuh di tengah-tengah keganasan dan ancaman terhadap kehidupan.

Beliau menegaskan bahawa Tuhan tidak pernah merestui kejahatan, sebaliknya Gereja dipanggil untuk terus menabur benih kebaikan dengan melindungi kehidupan, mempertahankan mar-

tabat manusia serta mendampingi mereka yang menderita dan kehilangan harapan.

Merujuk kepada Perlembagaan Pastoral mengenai Gereja dalam Dunia Moden yang diterbitkan oleh Konsili Vatikan Kedua, Kardinal Kikuchi berkata Gereja dipanggil untuk berdiri bersama mereka yang kehidupannya terancam, kehilangan martabat dan bergelut untuk meneruskan hidup.

“Gereja ingin mendampingi setiap insan yang berdepan krisis kehidupan, kehilangan martabat sebagai manusia dan sedang berjuang untuk terus bertahan,” katanya.

Prelatus itu menegaskan bahawa Gereja juga mempunyai tanggungjawab untuk membaca tanda-tanda zaman dalam terang Injil serta menyuarakan kebenaran demi kesejahteraan bersama. **LICAS News**

Anugerah baharu harga pejuang alam sekitar

PHILADELPHIA: Universiti Villanova, *alma mater* Sri Paus Leo XIV, mengumumkan pelancaran Pingat Kelestarian Sri Paus Leo XIV, sebuah anugerah antarabangsa dwitahunan bagi menghargai individu yang menggabungkan usaha menjaga alam sekitar dengan pembelaan terhadap golongan miskin.

Anugerah itu akan disampaikan oleh Sri Paus Leo XIV buat julung kalinya di Borgo Laudato Si’, Castel Gandolfo, sempena Persidangan Antarabangsa Kelestarian Villanova yang akan berlangsung pada Oktober 12 hingga 15 di Roma.

Penerima sulung akan diumumkan pada bulan September selepas melalui proses pemilihan yang ketat.

Persidangan bertemakan, “Re-

sponding to the Cries of the Earth and the Poor”, dijangka menghimpunkan kira-kira 300 peserta dari pelbagai bidang bagi mencari penyelesaian bersama terhadap cabaran alam sekitar dan kemiskinan.

Menurut Universiti Villanova, pingat tersebut mengiktiraf individu yang menunjukkan kepimpinan cemerlang dalam memajukan kelestarian, tanggungjawab terhadap alam sekitar dan pembangunan insan yang menyeluruh.

Tidak seperti anugerah sekular, penghormatan itu turut menekankan tanggungjawab moral untuk membela golongan terpinggir serta menghubungkan penemuan saintifik dengan nilai-nilai etika. **Media Vatikan**

Gereja Asia digesa jadi tanda harapan



JAKARTA: Utusan Khas Sri Paus Leo XIV, Kardinal Oswald Gracias dari India, menggesa para uskup Asia agar menjadi pembina jambatan dialog, rekonsiliasi dan persaudaraan dalam menghadapi perpecahan, konflik serta pelbagai luka sosial di rantau ini.

Dalam homilinya sempena Misa Kudus pembukaan Sidang Pleno Ke-12 Federasi para Uskup Asia (FABC) pada Julai 21, beliau menegaskan bahawa misi Gereja ialah mempertemukan manusia, menyelesaikan konflik dan membawa damai.

“Misi kita ialah menjadi pembina jambatan, menghubungkan manusia, mendamaikan keadaan yang berpecah dan membawa keamanan kepada dunia,” katanya.

Sidang yang berlangsung selama seminggu itu menghimpunkan lebih 100 kardinal, uskup, imam, religius dan delegasi dari seluruh Asia dengan tema “Panggilan kepada Pertobatan Sinodal dan Misi Menjadi Jambatan serta Pembina Jambatan di Asia”.

Kardinal Gracias menyifatkan sinodaliti sebagai salah satu anugerah terbesar Gereja kepada dunia kerana menggalakkan

budaya mendengar, penyertaan, membuat penegasan bersama dan berjalan seiring di tengah-tengah polarisasi. Beliau berkata dunia hari ini semakin dicengkam konflik, keganasan dan peperangan dan justeru itu, Gereja dipanggil memupuk keharmonian antara agama serta membina budaya damai di paroki, keuskupan dan masyarakat.

Beliau turut mengingatkan bahawa semangat berjalan bersama telah lama menjadi sebahagian daripada budaya Asia melalui kehidupan kekeluargaan, nilai komuniti dan sikap saling menghormati.

Menurutnya, sinodaliti juga mampu membantu membanteras rasuah serta memperkukuh tadbir urus yang baik.

Sementara itu, Pengerusi Persidangan Uskup-Uskup Indonesia, Uskup Antonius Subianto Bunjamin, berkata sidang tersebut bukan sekadar pertemuan para uskup, tetapi saat untuk mendengarkan Roh Kudus serta suara wanita, golongan miskin, masyarakat terpinggir, migran dan pelarian.

Menurut beliau, proses sinodal menuntut Gereja membuka hati bukan sahaja kepada suara para

gembala, malah kepada pengalaman dan harapan seluruh umat Tuhan, khususnya wanita, golongan miskin, masyarakat yang terpinggir, para migran dan pelarian yang sering berhadapan dengan pelbagai cabaran kehidupan.

Prelatus itu berkata, hanya dengan mendengarkan suara mereka, Gereja dapat melaksanakan misinya dengan lebih setia serta menjadi tanda harapan, dialog dan rekonsiliasi di Asia.

Beliau menegaskan bahawa Gereja di Asia dipanggil memperdalam pertobatan sinodal melalui dialog, kerjasama dan misi bersama demi membina keamanan serta rekonsiliasi di seluruh benua.

Liturgi pembukaan menampilkan kepelbagaian budaya Asia melalui persembahan tradisional Indonesia, doa dalam pelbagai bahasa tempatan dan penyertaan komuniti dari pelbagai etnik. Sidang itu turut dihadiri wakil Gereja dari Vatikan, Afrika, Eropah, Timur Tengah, Oceania dan Amerika Syarikat yang sependapat bahawa sinodaliti menawarkan jalan menuju perdamaian dalam dunia yang semakin berpecah. **ucanews**

Maria Magdalena teladan Gereja sinodal

JAKARTA: “Di paroki dan keuskupan kita, terdapat begitu ramai Maria Magdalena. Penting bagi kita untuk melihat dan mengenali mereka.”

Demikian seruan Kardinal Luis Antonio G. Tagle ketika mengakhiri retret sehari sempena Sidang Pleno Ke-12 Federasi para Uskup Asia (FABC), sambil menggesa para pemimpin Gereja di Asia mengenali mereka yang dipilih Tuhan sebagai saksi harapan, walaupun sering dipandang rendah oleh dunia.

Memimpin Misa Kudus pada Pesta Santa Maria Magdalena di Jakarta pada Julai 22, Kardinal Tagle menjelaskan bahawa kehidupan santa yang dikenali sebagai “Rasul kepada para Rasul” membuktikan Tuhan melihat potensi dan kesetiaan seseorang, walaupun masyarakat hanya melihat kelemahan dan masa silamnya.

Maria Magdalena, yang pernah dibebaskan daripada tujuh roh ja-

hat, tetap setia berdiri di kaki salib ketika ramai murid melarikan diri.

Beliau berkata pertemuan Maria Magdalena dengan Kristus yang bangkit menunjukkan bahawa iman bermula daripada inisiatif Tuhan.

Apabila Yesus memanggilnya dengan nama, dia mengenali suara Gembalanya, lalu diutus menjadi saksi pertama kebangkitan denganewartakan kepada para rasul, “Aku telah melihat Tuhan.”

“Ketika namanya dipanggil, Maria Magdalena menyedari peristiwa terbesar dalam sejarah. Dia mendengar suara Gembalanya dan mengenali Dia yang sentiasa mengenalinya,” ujar Kardinal Tagle.

Menurut Kardinal Tagle, Yesus sengaja memilih seseorang yang dipandang rendah oleh masyarakat untuk menyampaikan berita kebangkitan, sekali gus menunjukkan bahawa ukuran Tuhan berbeza daripada penilaian dunia.



Prelatus yang berasal dari Filipina itu menggesa Gereja mengenali “Maria Magdalena” yang hadir dalam setiap paroki dan keuskupan kerana merekalah saksi harapan yang diutus Tuhan untuk mengingatkan dunia bahawa Kristus benar-benar telah bangkit.

Mengakhiri homilinya, Kardinal Tagle menghubungkan renungan tersebut dengan tema retret, iaitu menjadi jambatan bagi misi dan persekutuan.

Beliau menggesa para peserta supaya mengenali “Maria Magdalena” yang hadir dalam komuniti masing-masing. **Media FABC**

VATIKAN: Sri Paus Leo XIV menggesa umat Kristian agar menolak godaan untuk mencari tanda-tanda luar biasa tentang kuasa Tuhan. Sebaliknya, beliau mengingatkan bahawa Kerajaan Tuhan bertumbuh secara senyap dan penuh kesabaran, seperti sebiji benih kecil atau ragi yang bekerja tanpa disedari.

Berucap kepada para penziarah yang berhimpun di Castel Gandolfo sempena doa Angelus pada hari Ahad, Sri Paus merenungkan tiga perumpamaan dalam Injil Santo Matius, iaitu lalang di antara gandum, biji sesawi dan ragi. Menurut beliau, ketiga-tiga perumpamaan itu memperlihatkan cara Tuhan berkarya dalam sejarah dan kehidupan manusia.

Sri Paus menjelaskan bahawa Tuhan tidak memaksakan kehendak-Nya atau datang dengan kemegahan dan kuasa yang hebat. Sebaliknya, Tuhan memilih “yang kecil” sebagai tanda kasih-Nya yang lembut, setia dan penuh kesabaran.

“Tuhan membiarkan kita bebas untuk menerima atau menolak-Nya,” kata Sri Paus.

Beliau menegaskan bahawa kasih Tuhan tetap hadir walaupun “di tengah-tengah lalang”. Kerajaan Tuhan bertumbuh tanpa disedari seperti benih yang paling kecil dan mengubah dunia secara senyap seperti ragi yang mengembangkan adonan.

Sri Paus turut mengakui bahawa ramai orang mengharapkan Tuhan bertindak secara dramatik dengan segera menghapuskan segala kejahatan di dunia. Namun, menurut beliau, harapan sedemikian boleh membawa kepada pemahaman yang kurang tepat tentang kehidupan Kristian dan peranan Gereja.

Sebaliknya, umat Kristian dipanggil untuk menyedari bahawa Kerajaan Tuhan terus berkembang walaupun kejahatan masih wujud. Hal ini menuntut kebijaksanaan untuk mengenal pasti kebaikan yang terus



Jadilah benih Injil dan ragi kasih

muncul di tengah-tengah kegelapan, mengelakkan penilaian yang terburu-buru, serta bersabar dan membiarkan rahmat Tuhan bekerja dalam kehidupan manusia.

Beliau menambah bahawa Kerajaan Tuhan sering bertumbuh melalui peristiwa-peristiwa biasa dalam kehidupan seharian. Walaupun kehadiran Tuhan kadangkala kelihatan tersembunyi, Tuhan sentiasa menyertai dan kasih-Nya tidak pernah berhenti menyertai serta menolong umat-Nya.

Sri Paus turut mengingatkan bahawa cara Tuhan bertindak hendaklah menjadi teladan kepada setiap orang Kristian, baik dalam kehidupan peribadi mahupun sebagai anggota Gereja.

Beliau menggesa umat beriman mengamalkan pendekatan yang berpusatkan Injil, dengan menjauhi sikap angkuh, keinginan untuk menguasai orang lain atau menggunakan kuasa bagi memaksakan iman. Se-

baliknya, mereka diajak untuk meletakkan kepercayaan sepenuhnya pada karya Tuhan yang berlangsung secara senyap tetapi berkesan.

Memetik kata-kata mendiang Sri Paus Benediktus XVI ketika masih bergelar Kardinal Joseph Ratzinger, Sri Paus Leo berkata umat Kristian dipanggil untuk menghayati “logik benih”, iaitu bukan mengejar kejayaan dan keagungan, tetapi merendahkan diri serta melayani sesama.

“Dengan cara itu,” katanya, “umat Kristian dapat menjadi benih-benih kecil Injil dan ragi kasih yang mampu mengubah dunia dari dalam.”

Mengakhiri renungannya, Sri Paus Leo XIV menyerahkan seluruh umat beriman kepada perantaraan Santa Perawan Maria. Beliau berdoa agar Maria, yang dengan rendah hati menerima benih Sabda Tuhan ke dalam hidupnya, terus menopang perjalanan iman setiap orang Kristian.

Media Vatikan

Jus rohani untuk jiwa

Dalam ajaran Gereja Katolik, tiada senarai rasmi yang dinamakan “Tujuh Dosa Besar Internet”.

Namun, beberapa uskup, ahli teologi dan pakar etika Katolik telah menghuraikan bagaimana tujuh dosa besar (*Seven Deadly Sins*) boleh muncul dalam dunia digital.

Gereja melihat internet sebagai alat yang baik, tetapi penggunaannya perlu dipandu oleh kebijaksanaan, kasih dan tanggungjawab moral.

Berikut ialah bentuk-bentuknya dalam bentuk digital:

1. Kesombongan (*Pride*)

Mengutamakan imej diri, mencari populariti atau pengiktirafan sehingga menjadi taksub terhadap jumlah “like”, pengikut dan pujian. Sikap ini boleh membawa kepada narsisme dan kehilangan kerendahan hati.

Lawan: Kerendahan hati.

2. Ketamakan (*Greed*)

Menggunakan internet untuk menipu, mengejar keuntungan secara tidak jujur, terlibat dalam penipuan dalam talian, melakukan cetak rompak digital atau mengeksploitasi orang lain demi wang.

Lawan: Kemurahan hati dan kejujuran.

3. Nafsu (*Lust*)

Mengakses atau menyebarkan bahan

Tujuh dosa besar Internet



lucuh, melakukan eksploitasi seksual dalam talian, menghantar kandungan tidak bermoral atau menjalin hubungan maya yang membawa kepada dosa seksual.

Lawan: Kemurnian dan penguasaan diri.

4. Iri Hati (*Envy*)

Berasa cemburu terhadap kehidupan orang lain yang dipaparkan di media sosial sehingga mencetuskan rasa rendah diri, kebencian atau ketidakpuasan hati.

Lawan: Kesyukuran dan kasih terhadap sesama.

5. Kerakusan (*Gluttony*)

Ketagihan internet, permainan video, media sosial atau penstriman sehingga mengabaikan keluarga, pekerjaan, pelajaran, doa dan kesihatan.

Lawan: Kesederhanaan dan disiplin diri.

6. Kemarahan (*Wrath*)

Mengeluarkan kata-kata kesat, menyebarkan kebencian, buli siber, menyerang maruah orang lain atau terlibat dalam “perang komen”.

Lawan: Kesabaran, kelembutan dan pengampunan.

7. Kemalasan (*Sloth*)

Menghabiskan masa tanpa tujuan di internet sehingga mengabaikan tanggungjawab terhadap Tuhan, keluarga, kerja dan masyarakat.

Kemalasan rohani juga berlaku apabila seseorang lebih mengutamakan dunia digital daripada kehidupan doa.

Lawan: Ketekunan dan kesungguhan dalam menjalankan tanggungjawab.

Gereja mengajar bahawa teknologi bukanlah musuh. Sebaliknya, internet ialah anugerah yang boleh digunakan untukewartakan Injil, membina komuniti dan menyebarkan kebenaran.

Namun, umat Kristian dipanggil untuk menggunakan media digital dengan hikmat, kasih dan tanggungjawab moral, agar setiap perkongsian, komen dan interaksi mencerminkan nilai-nilai Kristus.

Aleteia

PENULIS JEMPUTAN BERKICAU

Apabila disiplin makin rapuh

Pembunuhan seorang pelajar perempuan di SMK Bandar Utama pada tahun 2025 menggemparkan negara dan mencetuskan kebimbangan terhadap tahap disiplin dan tahap keselamatan di sekolah.

Ketika membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2026 pada Oktober 14, 2025, Ahli Parlimen Sri Aman, Doris Sophia Brodi, menyatakan bahawa guru dan pentadbir sekolah kini semakin terbatas keupayaannya untuk menguatkuasakan disiplin. Keadaan ini dikhuatiri boleh menyumbang kepada pembentukan generasi yang lebih rapuh.

Pada masa lalu, tindakan disiplin terhadap kesalahan kecil bertujuan mendidik pelajar supaya bertanggungjawab, berdisiplin dan menghormati orang lain. Namun kini, guru berdepan pelbagai kekangan selain dibebankan dengan tugas pentadbiran dan pengurusan sekolah.

Bagi menangani masalah disiplin, sekolah perlu menyediakan latihan kepada guru dan pentadbir untuk mengesan tanda awal buli, menerapkan modul empati dan belas kasihan dalam kalangan warga sekolah, serta menambah bilangan kaunselor sehingga mencapai nisbah seorang kaunselor bagi setiap 200 orang pelajar.

Dalam menangani isu disiplin masa kini, sekolah-sekolah mission (*mission schools*) menggabungkan pendekatan disiplin tradisional yang menekankan tanggungjawab terhadap tingkah laku dengan amalan keadilan restoratif dan pembentukan sah-siah.

Walaupun perlu mematuhi dasar Jabatan Pendidikan Negeri dan kurikulum kebangsaan, sekolah-sekolah misi tetap menerapkan nilai-nilai berasaskan iman dalam pelaksanaan disiplin.

Antara pendekatan utama yang diamalkan ialah:

Keadilan restoratif dan sesi refleksi: Sekolah misi kini menggunakan penggunaan hukuman seperti penggantungan serta-merta. Sebaliknya, mereka mengamalkan dialog restoratif (*restorative chats*) dan sesi dialog komuniti (*community-building circles*) bagi membantu pelajar memahami kesan perbuatan mereka, membuat refleksi serta mencari jalan untuk memperbaiki keadaan.

Pembentukan kompetensi sosial dan emosi: Salah laku dilihat sebagai peluang untuk mendidik, bukan sekadar suatu pelanggaran peraturan. Oleh itu, pendekatan disiplin dikaitkan dengan pembinaan kesedaran diri, pengurusan emosi dan hubungan interpersonal, serta pemupukan nilai empati.

Kaunseling holistik menggantikan hukuman fizikal: Jika suatu ketika dahulu hukuman fizikal seperti merotan digunakan, pendekatan moden lebih menekankan kaunseling individu, program bimbingan mentor dan pelan intervensi tingkah laku bagi membantu pelajar berubah secara positif.

Kerjasama antara sekolah dan ibu bapa: Sekolah-sekolah misi turut menitikberatkan kerjasama erat antara lembaga sekolah, guru dan ibu bapa. Apabila timbul masalah disiplin, ibu bapa dilibatkan sejak awal bagi merancang langkah intervensi yang konsisten antara rumah dan sekolah. Kesimpulannya, usaha menangani masalah disiplin tidak boleh dipikul oleh guru dan pentadbir sekolah sahaja.

Kerjasama ibu bapa, masyarakat dan pihak berkepentingan amat penting bagi membendung gejala buli. Sokongan emosi, kaunseling dan intervensi awal perlu diperkukuhkan bagi membantu pelajar yang berisiko agar tidak terjebak keganasan atau jenayah.

Selaras dengan ajaran Gereja Katolik, setiap manusia diciptakan menurut imej dan rupa Tuhan serta memiliki martabat yang perlu dihormati. Oleh itu, pendekatan disiplin hendaklah berteraskan kasih, keadilan, belas kasihan dan pengampunan. Yesus sendiri mengajar para pengikut-Nya supaya saling mengasihi (Yohanes 13:34) dan memperlakukan orang lain sebagaimana kita mahu diperlakukan (Lukas 6:31). **John Cham**

Selepas lebih 30 tahun menabur bakti sebagai pendidik, John Cham kini aktif dalam bidang penulisan, memanfaatkan pengalaman luasnya untuk menghasilkan karya yang memberi inspirasi dan mencetuskan pemikiran.

MARI dan jadilah komuniti pemberita HERALD. Kami amat mengalu-alukan sumbangan artikel, pendapat dan perkongsian kita.

Kami mengalu-alukan artikel dalam 400-500 patah perkataan, gambar high-resolution (300 DPI) dalam format JPG atau PNG serta berkapsyen.

Kita boleh menghantar artikel kepada liza@herald.com.my atau

WhatsApp: 011-26391498



Dari Roma ke Sibu, Gereja Malaysia sedia lakar sejarah

PLENTONG, Johor: Dari makam Santo Petrus di Roma hingga ke bumi Sibu yang bakal menjadi tuan rumah Konvensyen Pastoral Malaysia 2026, Gereja Katolik di Malaysia sedang melakar satu lembaran baharu.

Semangat yang dibawa pulang daripada ziarah *Ad Limina Apostolorum* kini diterjemahkan kepada persiapan rapi menuju konvensyen pastoral kebangsaan pertama, yang menjadi fokus utama Perhimpunan Agung Ke-118 Konferensi para Uskup Katolik Malaysia, Singapura dan Brunei (CBCMSB).

Pengalaman *Ad Limina* perkara pelayanan para Uskup

Selepas menunaikan ziarah *Ad Limina Apostolorum* pada bulan Mei lalu, para uskup berkongsi pengalaman peribadi mengenai ziarah yang disifatkan sebagai perjalanan rohani yang amat memperkaya, walaupun padat dengan pelbagai aktiviti.

Sepanjang ziarah, jadual mereka padat setiap hari dan para uskup menyifatkan pengalaman itu sebagai amat bermakna, manakala waktu pada sebelah malam menjadi kesempatan berharga untuk mempererat persaudaraan dan saling menguatkan.

Pertemuan dengan pelbagai dikasteri Vatikan turut dipuji kerana berlangsung dalam suasana terbuka dan bersemangat pastoral.

Beberapa uskup yang pernah menyertai ziarah *Ad Limina Apostolorum* pada tahun 2008 dan 2018 menyatakan bahawa ziarah kali ini lebih teratur, mesra dan menggunakan bahasa Inggeris secara lebih meluas, sekali gus memudahkan dialog. Mereka juga bersyukur kerana berpeluang meraikan Misa Kudus di empat basilika utama Roma serta berdoa di makam Sri



Paus Fransiskus di Basilika Kepausan Santa Maria Maggiore.

Kemuncak ziarah ialah audiensi peribadi bersama Sri Paus Leo XIV. Walaupun perlu menunggu agak lama, pertemuan selama 90 minit itu memberi peluang kepada setiap uskup untuk bercakap secara peribadi dengan Bapa Suci.

Mengulas pengalaman tersebut, Kardinal William Goh, Uskup Agung Singapura berkata, "Kami bertuah kerana persidangan kami kecil. Semua uskup berpeluang mengemukakan soalan dan berdialog secara langsung, tidak seperti persidangan yang lebih besar, di mana hanya beberapa orang uskup sempat bercakap kerana kekangan masa."

Persiapan akhir MPC 2026

Para Uskup menerima laporan kemajuan menyeluruh mengenai MPC 2026 daripada Jawatankuasa Kerja Pusat yang diketuai oleh Msgr Peter Ng dari Keuskupan Melaka-Johor.

Jawatankuasa tersebut membentangkan program akhir MPC yang merangkumi jadual liturgi, doa, renungan dalam keheningan, ceramah utama serta sesi penegasan bersama.

Para uskup menggalakkan setiap paroki di sembilan keuskupan di Malaysia mengadakan Saat Teduh atau perhimpunan doa pada September 4 bagi mendedikasikan MPC, para delegasi serta masa depan Gereja di Malaysia kepada bimbingan Roh Kudus. Bertemakan visi "Gereja Katolik di Malaysia bersatu sebagai klerus, religius dan awam untuk merayakan, mendengar dan berjalan dalam terang Tuhan," MPC bertujuan memperkukuh persekutuan dan misi dalam kalangan umat Tuhan.

Misalnya menyeru Gereja di Malaysia yang berakar dalam kehidupan Tritunggal Mahakudus supaya menjadi suara kepada rakyat, Gereja yang menjangkau mereka yang memerlukan dengan belas kasihan, menyampaikan kepenuhan hidup, serta terus bertumbuh dalam kekudusan.

Kira-kira 890 peserta yang terdiri daripada para uskup, imam, religius, delegasi awam, penceramah, tetamu dan sukarelawan dijangka menghadiri konvensyen itu, menjadikannya perhimpunan kebangsaan terbesar yang pernah dianjurkan oleh Gereja Katolik di Malaysia.

Persiapan sedang diselaraskan oleh Keuskupan Sibu dengan bantuan umat dan

sukarelawan dari seluruh negara dalam aspek logistik, pengangkutan dan hospitaliti.

Salah satu detik yang paling dinantikan ialah pada hari pembukaan MPC: sembilan salib kayu yang mengembara ke setiap keuskupan di Malaysia menerusi Perjalanan Salib akan disatukan semula.

Perjalanan Salib tersebut bermula pada April 3, 2025 di Katedral Hati Kudus, Kota Kinabalu.

Penyatuan semula salib-salib itu pada bulan September di Sibu akan menjadi lambang kesatuan Gereja di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, sekali gus mencerminkan kepelbagaian budaya, bahasa dan tradisi yang membentuk satu Tubuh Kristus.

Pada akhir mesyuarat para Uskup, mereka merakamkan penghargaan kepada Jawatankuasa Kerja Pusat MPC serta semua jawatankuasa kecil atas dedikasi mereka sepanjang tahun lalu.

Mereka turut menggesa seluruh umat Katolik di Malaysia agar terus mendoakan kejayaan konvensyen itu, sambil memohon agar Roh Kudus mencurahkan rahmat-Nya dengan berlimpah ke atas semua yang akan mengambil bahagian.

Sinodaliti diterjemahkan ke dalam kehidupan Gereja di Sabah

KOTA KINABALU: Dalam usaha memperkukuh pelaksanaan sinodaliti di Sabah, kira-kira 200 delegasi daripada ketiga-tiga diosis di negeri ini berhimpun untuk menyertai Hari Pembelajaran (*Study Day*) mengenai Dokumen Akhir Sinode mengenai Sinodaliti yang berlangsung pada Julai 17-18 di Pusat Paroki Hati Kudus, Kota Kinabalu.

Dokumen Akhir Sinode mengenai Sinodaliti ialah dokumen rasmi yang menghimpunkan buah penegasan, refleksi dan cadangan daripada Perhimpunan Sinode Para Uskup yang berlangsung di Vatikan.

Dokumen ini menjadi panduan kepada Gereja di seluruh dunia dalam menghayati sinodaliti melalui semangat persekutuan, penyertaan dan perutusan.

Program ini bertujuan membantu para peserta mendalami isi kandungan Dokumen Akhir Sinode untuk Sinodaliti, di samping menghayati panggilan Gereja untuk terus berjalan bersama dalam semangat persekutuan, penyertaan dan perutusan.

Para peserta turut berpeluang men-



dalami Dokumen Akhir Sinode bersama Dr Christina Kheng, ahli teologi dari Singapura yang memainkan peranan penting dalam proses Sinode mengenai Sinodaliti 2021-2024 di Vatikan.

Beliau merupakan anggota Suruhannya Metodologi Sekretariat Agung Sinode ahli pasukan penyedia *Document for the Continental Stage*, moderator Perhimpunan Benua Asia, serta pakar (fasilitator) dalam

Perhimpunan Agung Sinode di Roma pada tahun 2023 dan 2024.

Berbekalkan pengalaman tersebut, beliau membimbing para peserta menelusuri lima tema utama yang terkandung dalam Dokumen Akhir Sinode mengenai Sinodaliti iaitu "Dipanggil oleh Roh Kudus kepada Pertobatan (Jantung Sinodaliti)", "Pertobatan dalam Hubungan (Bersama-sama di Atas Perahu)", "Pertobatan dalam Proses (Teban-

kan Jala)", "Tangkapan yang Melimpah (Pertobatan dalam Ikatan Persekutuan)", dan "Seperti Bapa Mengutus Aku, Demikian Juga Aku Mengutus Kamu": Membentuk Umat bagi Pemuridan Misionari.

Melalui sesi pembentangan, dialog dan refleksi, para peserta diajak menyedari bahawa sinodaliti bukan sekadar satu gagasan untuk difahami, tetapi suatu cara hidup dan cara Gereja melaksanakan perutusannya di bawah bimbingan Roh Kudus.

Mereka juga didorong untuk terus mengamalkan seni mendengar dengan penuh perhatian, berdialog dalam Roh, membuat penegasan bersama serta menghayati tanggungjawab bersama dalam melaksanakan misi Gereja.

Buah daripada perkongsian, refleksi dan penegasan bersama sepanjang *Study Day* ini diharapkan dapat memperkukuh kehidupan Gereja di Sabah serta seluruh umat terus melangkah sebagai satu umat Tuhan yang berjalan bersama, saling menyokong dan setia mewartakan Injil dengan sukacita serta harapan.